

TARIKH: 2 MEI 2022
SURAT KHABAR: SINAR HARIAN
MUKA SURAT: 8

RM150 juta disalurkan kepada 6,853 majikan untuk subsidi upah

KUALA LUMPUR - Setakat 15 April lalu, sebanyak RM150.979 juta telah disalurkan kepada 6,853 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 97,662 pekerja di bawah Program Subsidi Upah (PSU) 5.0.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, secara keseluruhannya, kerajaan telah menyalurkan RM20.755 bilion kepada 357,715 majikan melalui PSU bagi mengekalkan penggajian 2,956,607 pekerja tempatan sebagai usaha mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

Menurutnya, kerajaan juga melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah memperuntukkan RM100 juta bagi menjayakan program KPT-CAP (Program Peningkatan Kerjaya) sebagai usaha menangani isu graduan menganggur.

"Kerajaan akan meneruskan inisiatif KPT-CAP dengan sasaran untuk menawarkan 20,000 peluang pekerjaan kepada golongan lepasan pengajian tinggi bagi tahun ini," katanya dalam Laporan Kewangan Rakyat ke-94 yang dikeluarkan pada Sabtu.

Ujarnya, tenaga buruh Malaysia juga pulih secara beransur-ansur pada 2021 dengan kedudukan lebih baik dijangka pada tahun ini.

"Jangkaan itu bersandarkan kepada pendekatan yang lebih bersasar diambil untuk menguruskan situasi kesihatan awam terutama pada separuh kedua 2021 berbanding sekatan menyeluruh yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya," katanya.

Beliau menjelaskan, pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berterusan dan kebenaran aktiviti sosial serta perjalanan rentas negeri merangsang prestasi ekonomi Malaysia. - *Bernama*